

# PANDUAN PENYERAHAN PERMOHONAN

## A. MAKLUMAT UMUM

Waktu urusan penyerahan Permohonan Program

Hari	: ISNIN – KHAMIS (Minggu Pertama dan Minggu Ketiga sahaja)
Masa	: 8.30 Pagi – 4.30 Petang
Tempat	: Aras 4, MERCU MQA, Cyberjaya

## B. MAKLUMAN

### 1. Makluman pembekuan penerimaan program baru

Permohonan bagi program berikut ditangguhkan sementara sehingga dimaklumkan kelak berikutan keperluan kajian lanjut oleh pihak MQA dan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

- Bidang Perundangan - Sivil Sahaja (Tahap 6: Ijazah Sarjana Muda)
- Bidang Perubatan - MBBS (Tahap 6: Ijazah Sarjana Muda)
- Bidang Pergigian (Tahap 6: Ijazah Sarjana Muda)
- Bidang Kejururawatan (Tahap 4: Diploma)

### 2. Keperluan penyediaan *pathway* bagi permohonan program persediaan (*Foundation*) oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) bertaraf Kolej Swasta

Berdasarkan arahan JPT, KPM, penyediaan maklumat laluan pengajian (*pathway*) bagi bidang berkaitan di **3 PPT bertaraf Kolej Universiti atau Universiti** perlu dikemukakan semasa penyerahan permohonan Akreditasi Sementara program peringkat *Foundation*.

Untuk penjelasan lanjut mengenai dasar-dasar yang diputuskan di atas, sila hubungi pihak JPT, KPM seperti butiran berikut:

#### Bagi IPTA:

Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6  
Presint 5,  
62200 W.P. Putrajaya  
No. Tel : 03 – 8870 6555

#### Bagi IPTS:

Bahagian Pendaftaran dan Piawaian  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 5, No.2, Menara 2, Jalan P5/6  
Presint 5,  
62200 W.P. Putrajaya  
No. Tel : 03 – 8000 6651

## C. SENARAI SEMAK PERMOHONAN

### • SENARAI SEMAK PERMOHONAN AKREDITASI SEMENTARA

- i. **Borang A** (Permohonan bagi Perakuan Akreditasi Sementara Program atau Kelayakan)
- ii. Dokumen MQA-01 atau Dokumen format Badan Profesional
  - ❖ Bagi dokumen MQA-01, bilangan salinan adalah **4 Softcopy (Cakera Padat)**. Format dokumen adalah seperti yang dinyatakan dalam COPPA Edisi Kedua.
  - ❖ Bagi dokumen mengikut format oleh Badan Profesional berkaitan, bilangan dokumen adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keperluan Bilangan Salinan Dokumen Program Profesional.
- iii. Fi permohonan yang ditetapkan dalam bentuk *demand draft* atas nama 'Agensi Kelayakan Malaysia'; Sila rujuk Jadual Fi Perkhidmatan Agensi Kelayakan Malaysia.
- iv. Satu salinan Perakuan Pendaftaran Institusi/Bukti Penubuhan Institusi.
- v. Satu salinan Surat Keputusan Saringan Awal dari JPT, KPM (**Bagi IPTA sahaja**)

#### Nota:

- Bermula 2 April 2018, permohonan program perlu menggunakan dokumen MQA-01 COPPA Edisi Kedua.
- Permohonan program baru (Akreditasi Sementara) Tahap 4 dan 6 daripada IPTA hendaklah dikemukakan terus kepada Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Jabatan Pendidikan Tinggi, KPM untuk dipertimbangkan di dalam Mesyuarat Saringan Awal (MSA) Program Akademik Baharu.

### • SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGELUARAN PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA

- i. **Lampiran B** (Permohonan untuk Mendapatkan Perakuan Akreditasi Sementara)
- ii. Fi permohonan berjumlah RM100.00 dalam bentuk *demand draft* atas nama "Agensi Kelayakan Malaysia".
- iii. Satu salinan Surat Kelulusan Pengendalian Program
- iv. Satu salinan Perakuan pendaftaran Institusi/Bukti Penubuhan Institusi.
- v. Bukti Pematuhan Syarat-Syarat Khusus yang dinyatakan dalam Surat Perakuan Memenuhi Keperluan Kualiti (CQC).

#### Nota:

- Permohonan ini dikemukakan selepas pihak PPT mendapat Kelulusan Pengendalian Program daripada JPT, KPM.
- Permohonan ini juga boleh dikemukakan oleh PPT yang ingin memohon Akreditasi Penuh bagi program yang telah matang dan diluluskan tanpa melalui penilaian MQA.
- Bagi permohonan pengeluaran Perakuan Akreditasi Sementara selepas MJA Bil.1/2016, Lampiran 1 dan Fi permohonan berjumlah RM100.00 hendaklah diserahkan kepada Unit Keurusetiaan, Aras 4, MERCU MQA, Cyberjaya.

- **SENARAI SEMAK PERMOHONAN AKREDITASI PENUH**

- i. **Borang B** (Permohonan bagi Perakuan Akreditasi Program atau Kelayakan).
- ii. Dokumen MQA-02 atau Dokumen format Badan Profesional.
  - ❖ Bagi dokumen MQA-02, bilangan salinan adalah **4 Softcopy (Cakera Padat)**. Format dokumen adalah seperti yang dinyatakan dalam **COPPA Edisi Kedua**
  - ❖ Bagi dokumen mengikut format oleh Badan Profesional berkaitan, bilangan dokumen adalah seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Keperluan Bilangan Salinan Dokumen Program Profesional**.
- iii. Fi permohonan yang ditetapkan dalam bentuk *demand draft* atas nama 'Agensi Kelayakan Malaysia'; Sila rujuk **Jadual Fi Perkhidmatan Agensi Kelayakan Malaysia**.
- iv. Satu salinan Perakuan pendaftaran Institusi/Bukti Penubuhan Institusi.
- v. Satu salinan Surat Kelulusan Pengendalian Program.
- vi. Satu salinan Perakuan Akreditasi Sementara (jika berkenaan).
- vii. Senarai nama pelajar mengikut semester pengajian.
- viii. Kalendar akademik program pengajian.
- ix. Cadangan tiga (3) tarikh lawatan bagi program yang dimohon.

**Nota:**

- Bagi program Sarjana Tahap 7 Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*) dan Kedoktoran Tahap 8 MQF secara Penyelidikan, pihak PPT perlu mengemukakan **satu perakuan pengesahan** bahawa terdapat sekurang-kurangnya seorang pelajar daripada program tersebut telah mengemukakan deraf akhir Disertasi/ Tesis (Surat Makluman MQA Bil. 9/2018 bertarikh 24 Disember 2018 dan Bil. 1/2014 bertarikh 28 Januari 2014).

#### **D.KRITERIA DOKUMENTASI**

Dokumen permohonan perlu dikemukakan seperti berikut;

i. Dalam bentuk ***ring binding*** sahaja.

ii. **Ketebalan maksimum ialah 5cm.**

iii. Sekiranya dokumen tersebut tebal, pihak PPT boleh mengasingkannya kepada lampiran lain. Sebagai contohnya ialah Jilid 1 (5cm) dan Jilid 2(5cm).

Ketebalan dokumen yang **melebihi 5cm** dan **tidak menggunakan *ring binding*** boleh menyebabkan dokumen permohonan tuan/puan **dipulangkan** semula oleh MQA.



Contoh dokumen *ring binding* yang diterima

PPT perlu merancang sekurang-kurangnya 6 bulan untuk menghantar permohonan kepada MQA kerana hampir 90% daripada permohonan yang dihantar oleh PPT kepada MQA adalah tidak lengkap.

Tempoh penilaian dalam piagam pelanggan MQA hanya bermula apabila dokumen yang dihantar telah lengkap.

Sebarang kemusykilan berkaitan prosedur penyerahan permohonan, tuan/puan boleh menghubungi Unit Pendaftaran, Bahagian Koordinasi dan Rujukan Jaminan Kualiti :

**Puan Asnita Isam**

**Tel : 03 – 8688 3738**

**Faks : 03 – 8688 4851**

**Emel : [asnita@mqa.gov.my](mailto:asnita@mqa.gov.my)**

**Puan Arina Mhd Arshad**

**Tel : 03 – 8688 3733**

**Faks : 03 – 8688 4851**

**Emel : [arina@mqa.gov.my](mailto:arina@mqa.gov.my)**

**Cik Noor Aniza Abd Aziz**

**Tel : 03 – 8688 3739**

**Faks : 03 – 8688 4851**

**Emel : [nooraniza@mqa.gov.my](mailto:nooraniza@mqa.gov.my)**